



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN
PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

05 April 2025
06 Syawal 1446H

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	•
Berita Harian	•
Harian Metro	• Pengeluar ikan tuna
Kosmo	•
Sinar Harian	• 'Arapaima banyak dibeli musim raya'
The Star	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
The Sun	•
Malaysiakini	•
Bernama	•
BenarNews Malaysia [Online]	•
Guan Ming Daily	•
Sabah Media	•

JENIS AKHBAR

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO	/	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF		/	NEGATIF		NEUTRAL			8	5-4-2025



JENIS AKHBAR								MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	/	THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF	/	NEUTRAL			12	6-4-2025

'Arapaima banyak dibeli musim raya'

Pemilik kediaman membeli spesies ikan terlarang sebagai simbol kemewahan

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI PUTRAJAYA

Dianggap sebagai simbol kemewahan dan mahu memamer kekayaan menjadi trend pembelian ikan larangan pada musim perayaan Aidilfitri.

Malah, Jabatan Perikanan (DOF) mengesan terdapat peningkatan trend musim perayaan dalam kalangan pemilik kediaman dan premis perniagaan yang menjadikan ikan larangan sebagai daya tarikan utama untuk menarik pelanggan dan penguatkuasaan.

Selain itu, tiga spesies ikan larangan yang sering menjadi pilihan untuk dimiliki pada musim perayaan ialah arapaima, alligator gar dan peacock bass.

Ketua Pengarah Perikanan, Datuk Adnan Hussain menjelaskan bahawa keunikan spesies ikan ini turut dikaitkan dengan simbolisme tertentu dalam pelbagai kepercayaan.



Anak ikan bagi spesies alligator gar dirampas DOF menerusi operasi penguatkuasaan.



Arapaima menjadi spesies ikan paling popular dan menjadi pilihan untuk dimiliki pada musim perayaan.

Beliau memberi contoh ikan arapaima yang bersisik gangsa sering digelar 'water dragon' melambangkan kekayaan dan status, manakala alligator gar yang menyerupai buaya dipercayai membawa tuah yang menjadikan spesies tersebut popular dalam kalangan penggemar ikan eksotik.

Menurutnya, ia menjadikan ikan tersebut rebutan bagi mereka yang ingin memiliki sesuatu yang berbeza.

"Antara spesies ikan larangan yang sering mendapat permintaan tinggi menjelang musim perayaan ialah arapaima yang bersaiz besar dan sering dijadikan tarikan utama dalam kolam hiasan kerana saiznya yang mampu mencapai beberapa meter panjang dan berat ratusan kilogram.

"Selain itu, alligator gar juga mendapat perhatian kerana rupanya yang unik menyerupai buaya dengan muncung panjang dan gigi tajam serta sifatnya yang agresif.

"Ikan peacock bass (*Cichla Temensis*) turut tersenarai sebagai spesies yang kerap dibeli kerana mudah didapati di pasaran gelap walaupun diketahui mempunyai kadar pembiakan yang tinggi dan ber-

potensi mengancam spesies ikan tempatan selain persaingan untuk mendapatkan makanan dan habitat," katanya kepada *Sinar Harian*.

Beliau memberitahu, beberapa modus operandi yang dikenal pasti dalam perdagangan ikan larangan.

Jelas Adnan, antaranya ialah penjualan se-

cara dalam talian melalui platform media sosial, aplikasi e-dagang serta forum dalam talian yang sukar dipantau oleh pihak berkuasa.

Adnan berkata, kurangnya ke-

sedaran masyarakat umum tentang bahaya ikan larangan terhadap ekosistem tempatan, risiko undang-undang berkaitan pemilikan ikan larangan dan kesan negatif terhadap ekosistem merupakan faktor yang menyumbang kepada peningkatan pembelian spesies ikan-ikan terlarang ini.

"Pelepasan ikan larangan ke dalam perairan tempatan boleh mendatangkan kesan buruk kepada ekosistem perikanan.

"Antaranya ialah ancaman kepada spesies tempatan iaitu ikan pemangsa seperti alligator gar dan arapaima boleh memburu serta mengurangkan populasi ikan asli Malaysia sehingga menyebabkan kepupusan spesies tertentu," ujarnya.

Katanya lagi, kadar pembiakan spesies tertentu yang tinggi boleh menyebabkan ketidakseimbangan ekosistem.

"Ikan larangan merupakan spesies invasif yang boleh mendominasi perairan dan menyingkirkan spesies tempatan.

"Ikan import juga berpotensi membawa penyakit yang tidak wujud dalam perairan Malaysia hingga boleh merebak dengan cepat dan menyebabkan kematian besar-besaran dalam kalangan hidupan akuatik tempatan," katanya.

Tindakan bersepadu pantau media sosial

Jelas Adnan, pihaknya telah mengambil pelbagai langkah proaktif bagi menangani isu ini antaranya meningkatkan operasi pemeriksaan dan pemantauan di premis jualan ikan dan lokasi lain di mana ikan larangan mungkin dijual.

"Pemantauan juga ditingkatkan di platform dalam talian seperti media sosial, laman web e-dagang dan forum dalam talian di mana ikan larangan mungkin diiklankan atau dijual," ujarnya.



Pasukan penguat kuasa DOF menjalankan pemeriksaan di premis ikan hiasan dalam usaha mengekang penjualan ikan larangan.



STATISTIK KES (kecuali Sabah)

Tahun 2023

- 180 program pengawasan
- 438 premis akuarium diperiksa
- Nilai sitaan ikan larangan RM3,270

Tahun 2024

- 196 program pengawasan
- 473 premis akuarium diperiksa
- Nilai sitaan ikan larangan RM25,536

Antara spesies disita

- Peacock bass
- Arapaima
- Alligator gar
- Flower horn
- Silver dollar
- Udang kara air tawar

TINDAKAN

- Akta Perikanan 1985
- Peraturan-Peraturan Perikanan (Larangan Import, Pemeliharaan dan Pelepasan Ikan Berbahaya 1990) (pindaan 2024)